

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY
BIN JUSOH [SETIU]
TARIKH : 07.04.2014 (ISNIN)

TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH (SETIU) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan langkah kerajaan dalam pembangunan industri francais tempatan melalui Perbadanan Nasional Bhd (PNS) bagi menggalakkan generasi muda khususnya kalangan siswazah menjalankan perniagaan francais dalam pelbagai faktor perniagaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Perbadanan Nasional Berhad (PNS) telah melaksanakan beberapa program yang mensasarkan generasi muda termasuklah golongan siswazah. Di antara Program yang di laksanakan adalah :-

Program Kesedaran Francais di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) termasuk Kolej Vokasional dan Kolej Komuniti. Program ini adalah memberikan pendedahan kepada pelajar berkaitan Keusahawanan Francais juga menggalakkan pelajar memilih keusahawanan francais sebagai kerjaya pilihan. Sehingga kini Program kesedaran telah dijalankan di 34 buah IPT dengan melibatkan sejumlah 16,000 orang pelajar pada tahun 2013.

Untuk mencapai kesinambungan bagi Program Kesedaran Francais di IPT, PNS juga kini melaksanakan **Program Penempatan Pelatih Industri Francais** dengan membuka jalan kepada para siswazah untuk memulakan kerjaya di bidang francais atau memiliki perniagaan francais. Siswazah yang telah tamat kursus boleh memohon kepada PNS dan Francaisor yang terlibat di dalam program ini untuk bekerja sambil menjalani latihan industri francais di Akademi PNS dan di outlet francaisor yang terlibat di dalam Program ini. Pelatih Industri Francais akan dinilai berdasarkan kriteria yang ditetapkan dan seterusnya di beri pilihan untuk terus bekerja atau menjadi usahawan francais selepas tamat kontrak pekerjaan.

Selain dari itu Program "*Business in Transformation*" atau BIT juga mengenalpasti peniaga kecil dan penjaja untuk dijadikan francais yang sesuai diusahakan oleh generasi muda dengan pakej pembiayaan mikro francais daripada PNS dan boleh dimulakan dengan modal yang kecil. Sejak Program dimulakan pada tahun 2013 sejumlah 10 perniagaan jenama tempatan dibangunkan di bawah model francais di mana sebanyak 60 peratus yang terlibat adalah dari golongan muda.